

D416

R B696 AAB
MAHATHIR - KHIANAT R'R'R'

ALOR SETAR, 11 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENYIFATKAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH DAN DATUK RAIS YATIM SERTA 11 BEKAS ANGGOTA UMNO, YANG MENGAMBIL TINDAKAN MAHKAMAH SEHINGGA MENYEBABKAN PARTI ITU DIISYTIHARKAN SEBAGAI PERTUBUHAN TIDAK SAH, SEBAGAI PENGKHIANAT BANGSA MELAYU.

+SAYA TIDAK PERNAH MENGELUARKAN PERKATAAN +KHIANAT+ TETAPI MALAM INI SAYA ANGGAP ORANG 11 DAN TENGGU RAZALEIGH SEBAGAI PENGKHIANAT,+ KATANYA PADA PERHIMPUNAN KIRA-KIRA 5,000 ORANG BEKAS ANGGOTA UMNO DI STADIUM DATUK SYED OMAR DI SINI.

ADALAH SANGAT DIPERCAYAI BAHAWA TENGGU RAZALEIGH, BEKAS MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, MERUPAKAN +ORANG DI BELAKANG+ 11 BEKAS ANGGOTA YANG MENGAMBIL TINDAKAN MAHKAMAH TERHADAP UMNO.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN PENAJA UMNO BARU BERKATA DATUK RAIS, BEKAS MENTERI LUAR, YANG MEMOHON KEBENARAN MAHKAMAH TINGGI SUPAYA MEMBATALKAN KEPUTUSAN PENDAFTAR PERTUBUHAN MENOLAK PERMOHONAN MENDAFTARKAN UMNO MALAYSIA DAN MENERIMA PERMOHONAN MENDAFTAR UMNO BARU, ADALAH PENGKHIANAT KEPADA ORANG MELAYU.

KATANYA, BELIAU BERKATA DEMIKIAN KERANA UMNO YANG DITUBUHKAN PADA 11 MEI, 1946 DI JOHOR BERTUJUAN MEMBELA NASIB BANGSA MELAYU DAN MENENTANG PENJAJAH INGGERIS YANG HENDAK MENGHAPUSKAN HAK MEREKA MELALUI GAGASAN +MALAYAN UNION+. -- LAGI

0020MST 12 03 88

D417

R B697 AAB
MAHATHIR - KHIANAT 2 ALOR SETAR R'R'R'

BELIAU BERKATA, TENGGU RAZALEIGH DAN 11 BEKAS ANGGOTA YANG MEMBAWA KES KE MAHKAMAH TIDAK AKAN DITERIMA SEBAGAI ANGGOTA UMNO BARU.

PERDANA MENTERI BERKATA, ADALAH AMAT MENYEDIHKAN KERANA SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN DIRI ADA ORANG DALAM UMNO SANGGUP MENGKHIANATI PERJUANGAN ORANG-ORANG MELAYU YANG DILAKUKAN OLEH UMNO.

KATANYA, SAMA ADA +UMNO BARU+ WUJUD ATAU DIBATALKAN PENDAFTARANNYA, TIADA SEORANGPUN ORANG MELAYU YANG AKAN MERASAINYA, KERANA +PERTUBUHAN BOLEH DIHARAMKAN TETAPI SEMANGAT MELAYU YANG DIBAWA OLEH UMNO AKAN TETAP KEKAL+.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA BELIAU AKAN TERUS BERJUANG TANPA REHAT SEHINGGA PARTI BARU ITU DAPAT BERJALAN DENGAN BAIK DAN BERKESAN.

KATANYA, BELIAU TIDAK MENYANGKA DALAM UMNO ADA PIHAK YANG SANGGUP MENGHANCURKAN PARTI UNTUK MENCAPAI CITA-CITA MEREKA, INGINKAN KUASA DAN MAHUKAN JAWATAN TERMASUK JAWATAN PERDANA MENTERI.

-- LAGI

0025MST 12 03 88.

D419

R B698 AAB

MAHATHIR - KHIANAT 3 ALOR SETAR R'R'R'

BELIAU MENOLAK DAKWAAN KONONNYA SELAKU MENTERI DALAM NEGERI, BELIAU BOLEH MENGGUNAKAN KUASANYA UNTUK MENGELAKKAN UMNO LAMA DIANGGAP SEBAGAI PARTI TIDAK SAH.

+TETAPI SEKIRANYA SAYA GUNAKAN KUASA ITU, SAYA YAKIN ADA PULA TUDUHAN YANG AKAN DILEMPAR TERHADAP SAYA,+ JELASNYA.

+APAKAH MEREKA YANG MENNYEBABKAN UMNO LAMA DIISTIHARKAN TIDAK SAH DAN KINI CUBA PULA MENGHALANG PERJALANAN +UMNO BARU+ YANG AKAN MENERUSKAN PERJUANGAN UMNO LAMA UNTUK MEMBELA ORANG-ORANG MELAYU, SAYA JUGA YANG SALAH?+ TANYA BELIAU.

MENGENAI DAKWAAN KONONNYA SETIAP PERMOHONAN UNTUK MENJADI ANGGOTA +UMNO BARU+ DIKEHENDAKI MEMBUAT SUMPAH TAAT SETIA KEPADANYA, BELIAU BERKATA, IA ADALAH TIDAK BENAR DAN MERUPAKAN FITNAH.

KATANYA, SYARAT MENJADI ANGGOTA PARTI BARU IALAH SETIAP ANGGOTA HARUS MEMBUAT IKRAR SETIA KEPADA PARTI DAN BUKAN KEPADA BELIAU, KERANA DENGAN ITU PADA MASA DEPAN PARTI DAPAT MENGELAKKAN ANGGOTANYA MENGAMBIL TINDAKAN YANG BOLEH MEROSAKKAN PARTI. -- LAGI
0029MST 12 03 88

D420

R B699 AAB

MAHATHIR - KHIANAT 4 ALOR SETAR R'R'R'

BELIAU JUGA MENJELASKAN BAHAWA SETIAP ANGGOTA YANG MEMASUKI +UMNO BARU+ DISYARATKAN MENGISI BORANG MENYERAH HARTA UMNO LAMA KEPADA +UMNO BARU+ UNTUK MEMUDAHKAN RUNDINGAN DENGAN PEMEGANG AMANAH RAYA YANG MEMEGANG SEMUA HARTA TERMASUK BANGUNAN UMNO DI SELURUH NEGARA.

MENGIKUT PERATURAN, KATANYA, SEGALA HARTA ATAU HUTANG UMNO LAMA HARUS DITANGGUNG ATAU DIBAHAGIKAN SAMA RATA, JIKA ADA KEUNTUNGAN, KEPADA SETIAP ANGGOTA DAN MEMIKUL HUTANG JIKA ADA TANGGUNGAN.

KATANYA, NILAI HARTA UMNO LAMA, TERMASUK IBU PEJABAT PARTI DI PUSAT DAGANG DUNIA PUTRA (PWTC), KUALA LUMPUR ADALAH MELEBIH \$1,000 JUTA.

MENURUT BELIAU, APABILA SEMUA ANGGOTA UMNO LAMA YANG MEMASUKI UMNO BARU BERSETUJU MENYERAHKAN HARTA DAN TANGGUNGAN ITU KEPADA PARTI BARU ITU, MAKA MUDAHLAH PIMPINAN UMNO BARU BERUNDING BAGI MENYELESAIKAN MASALAH ITU.

+KALAU TIDAK AMANAH RAYA TERPAKSA Mencari 1.4 JUTA ANGGOTA UMNO UNTUK MENYELESAIKANNYA DAN KIRAAN MENUNJUKKAN IA AKAN MENGAMBIL MASA 25 TAHUN BAGI AMANAH RAYA BERBUAT DEMIKIAN,+ JELASNYA. -- LAGI

0032MST 12 03 88

D421

R B700 AAB
MAHATHIR - KHIANAT 5 ALOR SETAR R'R'R'

BELIAU JUGA MENDEDAHKAN BAHAWA KEPUTUSAN MENDIRIKAN BANGUNAN PWTC DENGAN BELANJA \$330 JUTA IALAH ATAS KEHENDAK TENGGU RAZALEIGH.

KATANYA, BELIAU SENDIRI HANYA BERHASRAT MENDIRIKAN BANGUNAN DENGAN HARGA \$77 JUTA KERANA UMNO KETIKA ITU MEMPUNYAI SAHAM BERNILAI SEBANYAK ITU DAN DENGAN DEMIKIAN UMNO TIDAK PERLU MENANGGUNG HUTANG.

KATANYA, HUTANG UMNO MENDIRIKAN BANGUNAN ITU KINI MENINGKAT KEPADA \$360 JUTA KERANA SUDAH TIGA TAHUN TIDAK DIJELASKAN BUNGANYA.

BELIAU MENASIHATI BEKAS ANGGOTA UMNO SUPAYA BERHATI-HATI TERHADAP GOLONGAN TERTENTU YANG MEMBERI WANG UNTUK MENARIK MEREKA MEMASUKI SEBUAH PARTI BARU YANG AKAN MEREKA TAJA.

KATANYA, MEREKA AKAN MENEMUI BEKAS PEMIMPIN UMNO DI SEMUA PERINGKAT YANG TIDAK DILANTIK DALAM +JAWATANKUASA PENAJA+ UMNO BARU DENGAN MENAWARKAN JAWATAN DALAM PARTI YANG AKAN DITUBUHKAN SERTA PELUANG MENJADI CALON PILIHAN RAYA. -- LAGI
0037MST 12 03 88

D422

R B701 AAB
MAHATHIR - KHIANAT 6 ALOR SETAR R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR MENASIHATI MEREKA YANG TIDAK DILANTIK +SEBAGAI JAWATANKUASA PENAJA+ UMNO BARU SUPAYA BERSABAR DAN MENUNGGU APABILA MESYUARAT AGUNG DIADAKAN, KERANA JIKA MEREKA JUJUR DAN BEKERJA UNTUK RAKYAT, MEREKA AKAN DIPILIH MENJADI KETUA DAN ANGGOTA JAWATANKUASA.

DALAM UCAPANNYA HAMPİR DUA JAM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGALURKAN SEJARAH PERJUANGAN ORANG-ORANG MELAYU DI ZAMAN PENJAJAHAN HINGGA PENUBUHAN UMNO PADA 1946 SERTA PERPECAHAN UMNO MEMBAWA PENUBUHAN PARTI KEMERDEKAAN MALAYA (IMP) DAN PARTI NEGARA OLEH ALLAHYARHAM DATUK ONN.

MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF DALAM UCAPANNYA MEMBERI JAMINAN BAHAWA SEMUA BEKAS ANGGOTA UMNO LAMA DI KEDAH TETAP AKAN MENYERTAI UMNO BARU DAN BERDIRI TEGUH DI BELAKANG PUCUK PIMPINAN DATUK SERI DR MAHATHIR TANPA RAGU-RAGU.

YANG TURUT HADIR IALAH MENTERI PERTANIAN, DATUK SERI SANUSI JUNID, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATUK RAJA ARIFFIN RAJA SULAIMAN, SETIAUSAHA PARLIMEN JABATAN PERDANA MENTERI, ENCIK OTHMAN ABDUL.

-- BERNAMA
0042MST 12 03 88